

Menggunakan Rutin Berfikir Melalui Portal SLS Bagi Pembelajaran Interaksi Lisan

Siti Farhana Binte Abdullah

siti_farhana_abdullah@schools.gov.sg

Nur Azah Binte Ismail


nur_azah_ismail@schools.gov.sg

Sekolah Menengah Woodgrove

Abstrak

Kemampuan untuk bertutur dengan penuh yakin dalam persekitaran formal mahupun informal merupakan hambatan bagi kebanyakan pelajar di aliran Normal Teknikal (NT). Berdasarkan pemantauan guru serta maklum balas daripada 20 orang para pelajar dari Menengah 1 hingga 3 NT, sebuah kajian telah dijalankan bagi membantu mereka mengatasi masalah tersebut. Kertas kajian ini bertujuan membincangkan penggunaan Pakej Sembang Spontan yang disokong dengan portal *Student Learning Space* (SLS) bagi mempertingkatkan kemahiran lisan dalam kalangan pelajar ini. Dapatan kajian menunjukkan Pakej Sembang Spontan berupaya meningkatkan minat serta keupayaan belajar secara aktif pelajar secara kendiri mahupun kolaboratif. Portal SLS juga dapat meningkatkan kemampuan pelajar NT bertutur dengan yakin dan baik.

Kata Kunci: Pakej Sembang Spontan, wadah *Student Learning Space* (SLS), Lisan



PENGENALAN

Kemahiran bertutur merupakan satu cabaran bagi pelajar aliran Normal Teknikal (NT). Oleh sebab pemarkahan dalam komponen lisan sebanyak 50%, maka amatlah genting dan penting untuk guru meningkatkan kemahiran bertutur yang berkesan bagi pelajar-pelajar ini.

Melalui penggunaan Pakej Lisan Sembang Spontan, hasil kolaborasi tiga buah sekolah iaitu, Sekolah Menengah Woodgrove, Sekolah Menengah Marsiling dan Sekolah Menengah Canberra, telah membantu guru dalam perancangan pengajaran lisan di dalam kelas. Objektif pakej lisan ini adalah bertujuan untuk:

1. menggalakkan pelajar berfikir secara mendalam;
2. meningkatkan kemahiran lisan; dan
3. menerapkan minat membaca dalam kalangan pelajar agar dapat membuka minda serta meningkatkan pengetahuan mereka.

Oleh sebab pelajar begitu terkesan dengan penggunaan teknologi digital, maka itu, penggunaan portal SLS diperkenalkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Singapura. Portal SLS membolehkan pelajar menjalani pembelajaran secara autentik dan menarik. Ini disebabkan mereka dapat mengakses video, artikel-artikel dari media sosial serta dapat mengambil bahagian secara aktif dalam proses pembelajaran mereka. Guru juga dapat memantau proses pembelajaran pelajar agar ianya lebih terkawal dan kesilapan dapat diperbetulkan pada masa itu.

Kecenderungan pelajar menggunakan portal SLS sekurang-kurangnya telah timbul minat membaca, menonton video dalam bahasa Melayu serta menggalakkan mereka untuk berfikir secara mendalam dalam segmen rutin berfikir. Penggunaan Pakej Sembang Spontan yang disokong dengan portal SLS telah memberikan kesan positif dalam kalangan pelajar. Ini kerana didapatkan pelajar mempunyai isi yang lebih dalam dan luas, lantas, dapat menuturkan dan menyampaikan idea-idea itu dengan yakin.

PERNYATAAN MASALAH

Pengajaran guru dan pembelajaran pelajar adalah satu gandingan dua hala yang tidak boleh dipisahkan. Pengetahuan pelajar tidak akan ditambah nilai jika pengajaran guru tidak efektif. Begitu juga, pengajaran guru yang efektif tetapi menjadi tidak berkesan jika pelajar tidak dapat memberikan respons yang baik.

Berdasarkan profil pelajar zaman kini yang lebih ke arah teknologi digital, maka portal SLS digunakan untuk menyokong Pakej Lisan Sembang Spontan dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Dengan cara ini, diharapkan portal SLS dapat menangani masalah pelajar aliran NT yang kurang minat membaca dan bertutur secara fasih dalam bahasa Melayu. Selain itu juga, latihan yang disediakan di portal SLS dapat membantu mengatasi ketandusan kosa kata pelajar agar mereka dapat menyampaikan dan mengembangkan idea mereka dengan berkeyakinan dan berkesan.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

1. menilai keberkesanannya portal SLS dalam menyokong Pakej Lisan Sembang Spontan bagi meningkatkan kemahiran lisan selaras dengan budaya positif dalam bilik darjah; dan
2. meningkatkan kemampuan pelajar untuk menjana idea yang baik serta mendalam untuk membantu mereka dalam penyampaian idea.

KAJIAN LEPAS

Menurut Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman dan Sufiza Ishak (2013) dalam kajian mereka yang bertajuk *Interaksi Lisan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*, keupayaan guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) bergantung kepada pemilihan strategi pengajaran guru. Guru juga perlu bijak dalam memilih pendekatan, kaedah dan teknik yang sesuai. Kesan pengajaran bergantung pada teknik guru yang



dapat merangsang dan menggalakkan pelajar berfikir secara kritis dan kreatif, seterusnya dapat berkomunikasi dan berinteraksi dengan berkesan. Lantaran itu, dengan adanya penggunaan strategi, kaedah, teknik dan pendekatan yang sesuai, interaksi lisan antara guru dengan pelajar berlangsung secara baik di dalam bilik darjah.

Menurut Hazman Ali (2009) dalam kertas kerjanya bertajuk '*Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Kalangan Guru-guru Sekolah Kebangsaan*', sistem pendidikan di beberapa buah negara masa kini sedang mengalami perubahan yang amat pesat. Selaras dengan ini, pembelajaran berbantuan komputer telah mula diperkenalkan memandangkan ICT semakin mendapat perhatian dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Kajian-kajian lepas ini memperkuuh kepercayaan pengkaji bahawa penggunaan ICT amat bersesuaian untuk meningkatkan keterlibatan pelajar dalam pembelajaran. Justeru, pengkaji merasakan amat bersesuaian untuk menerapkan ICT, khususnya portal SLS untuk pengajaran dan pembelajaran lisan dalam bilik darjah.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini berbentuk eksperimental dan tertumpu pada analisis data melalui pemerhatian guru dan menerusi borang praujian dan pascaujian. Dapatkan kajian dibentangkan secara kuantitatif dan kualitatif. Para pelajar menggunakan portal SLS untuk menonton video yang berkaitan dengan topik, menjawab soalan-soalan yang mendorong pelajar agar dapat berfikir dengan lebih kritis.

Dalam pelaksanaan pengajaran, guru juga menekankan aspek Amalan Pengajaran Singapura (STP). Guru menggunakan Aspek Pengajaran (AP) Menggunakan Soalan Untuk Memperdalam Pembelajaran dan Aktiviti Mengajar (AM) Rangkaian IRF-Mulakan-Respons-Maklum Balas. Soalan-soalan yang diutarakan kepada pelajar adalah untuk guru mendapatkan dan merancah pemikiran pelajar dan melihat sejauh mana dalamnya pengetahuan sedia ada pelajar. Dengan pelajar memberikan jawapan-jawapan dalam SLS,

sekurang-kurangnya guru dapat menilai jawapan pelajar. Seandainya jawapan pelajar itu kurang mendalam, maka guru dan teman-teman yang lain digalakkan memberikan komen kepada catatan pelajar itu. Cara ini menggalakkan pelajar untuk menghuraikan jawapan dan idea mereka. Dalam Penilaian pula, AP Memantau Pemahaman dan Memberi Maklum Balas dan AM Saya Buat, Saya Tahu, Saya Semak. Rakan yang menyemak jawapan kefahaman mereka dan pasangan mereka akan memberikan maklum balas. Rakan pasangan akan menambah nilai hasil kerja mereka.

Subjek Kajian

Kumpulan pelajar yang terlibat ialah seramai 20 orang pelajar lelaki dan perempuan dari peringkat Menengah 1 hingga 3 NT. Pelajar Menengah 1NT seramai empat orang pelajar, Menengah 2NT terdiri daripada enam orang pelajar manakala 10 orang pelajar dari Menengah 3NT. Seramai lima orang pelajar mengambil Bahasa Melayu Asas di peringkat PSLE, 14 orang pelajar mengambil bahasa Melayu Standard di peringkat PSLE dan seorang pelajar berbangsa Filipina yang tiada asas dalam bahasa Melayu. Tiga orang guru yang mengajar kelas-kelas ini telah menggunakan Pakej Lisan Sembang Spontan dan portal SLS untuk meningkatkan keupayaan pelajar berfikir secara aktif serta dapat menyampaikan idea dengan berkesan dan berkeyakinan.

Instrumen Kajian

Instrumen Kajian yang digunakan adalah seperti yang berikut:

1. Ujian diagnostik dalam bentuk borang maklum balas pelajar digunakan bagi mengenal pasti kesukaran pelajar dalam pembelajaran lisan,
2. Kertas senarai semak bagi catatan pemerhatian guru-guru terhadap pelajar dalam mengendalikan pengajaran dan pembelajaran lisan,
3. Praujian berbentuk soalan-soalan, video dan rakaman jawapan pelajar bagi sesi ujian lisan sebelum intervensi,
4. Pascaujian iaitu rakaman jawapan pelajar selepas intervensi untuk mengukur keberkesanan kajian yang dijalankan.



5. Pakej Sembang Spontan bertemakan Hari Keharmonian Kaum, Portal SLS yang memuatkan penggunaan rutin berfikir sebagai perancah bagi membantu pelajar menyusun dan mengembangkan idea.

Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan selama sebulan dalam waktu kurikulum bahasa Melayu. Pelajar bekerja secara individu. Berpandukan Amalan Pengajaran Singapura (STP), guru-guru telah sumbang saran bagi melakarkan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian yang terdapat di dalam portal SLS bagi menyokong Pakej Lisan Sembang Spontan agar pelajar dapat menerima pembelajaran secara berkesan. Topik lisan yang digunakan ialah bertemakan Hari Keharmonian Kaum berdasarkan Unit 7: Warna-warni Keharmonian dari Menengah 2 NT. Penggunaan portal SLS memuatkan templat rutin berfikir, klip video dan pembacaan artikel. Beberapa orang guru bertindak sebagai pemerhati semasa guru subjek kelas tersebut menjalankan pengajarannya.

Pada minggu pertama bulan Ogos, sebelum ujian lisan untuk Peperiksaan Akhir Tahun, pengkaji telah menjalankan ujian diagnostik dalam bentuk borang maklum pelajar untuk mendapatkan data bagi permasalahan pelajar dalam pembelajaran lisan. Seterusnya, bagi sesi praujian, pengkaji telah memilih tema yang bersesuaian dengan pengetahuan sedia ada serta pengalaman pelajar daripada unit-unit yang terdapat di dalam Pakej Lisan Sembang Spontan dari Menengah 1 hingga 3 aliran NT. Pengkaji telah mengenal pasti tema dan telah menggunakan ketiga-tiga soalan dalam segmen soalan-soalan rangsangan yang terdapat di dalam pakej lisan itu bagi melaksanakan praujian untuk melihat prestasi pelajar dalam menangani soalan-soalan lisan yang diberikan.

Pada minggu kedua, sesi intervensi dirancang dan dijalankan oleh pengkaji. Kumpulan pertama merupakan seramai enam orang pelajar Menengah 2 NT yang telah mengikuti pengajaran dan pembelajaran lisan. Pada langkah yang pertama, berdasarkan tiga soalan rangsangan dan tanpa diberikan apa-apa sumber bacaan mahupun perbincangan tema dalam

kelas, pelajar dikehendaki merakamkan jawapan mereka melalui telefon bijak mereka.


Langkah yang kedua pula, pelajar dikehendaki membuat latihan yang terdapat di dalam SLS. Pelajar dikehendaki menonton video pendek yang diikuti dengan soalan-soalan berbentuk soalan terbuka dan tertutup seperti ‘Ya’ atau ‘Tidak’. Kemudiannya, diikuti dengan templat Rutin Berfikir iaitu ‘Tarik Tali’ yang mana pelajar perlu memilih satu pendirian sama ada menyokong atau menyanggah soalan yang diketengahkan itu.

Langkah yang ketiga ialah pelajar dikehendaki membaca artikel dan menjawab ketiga-tiga soalan yang sama iaitu soalan-soalan sebelum intervensi.

Langkah yang terakhir ialah setiap pelajar melalui sesi lisan yang informal. Soalan yang sama diajukan kepada mereka. Jawapan mereka dirakamkan guru.

Rancangan pelajaran yang dilalui oleh pelajar Menengah 2NT diubah suai untuk pengajaran bagi pelajar Menengah 1NT dan 3NT. Perubahan ini dilakukan menyusuli maklum balas guru bahawa ketiga-tiga soalan yang diketengahkan agak mencabar kerana terdapat perkataan-perkataan yang kurang difahami oleh pelajar.

Pada minggu ketiga pula, pelajar Menengah 1NT dan 3NT melakukan langkah-langkah yang sama, hanya terdapat perubahan pada langkah ketiga. Di dalam langkah ketiga yang telah diubah suai ini, pelajar serta guru memberikan komen-komen pada jawapan rakan mereka. Maka itu, guru boleh juga memantau komen-komen tersebut dan melakukan penambahbaikan pada kekurangan yang terdapat pada jawapan pelajar. Pada langkah ini, pelajar yang pendiam juga dapat belajar secara aktif disebabkan mereka berpeluang menambah nilai jawapan mereka hasil daripada pertanyaan atau komen rakan-rakan yang lain.



Jadual 1: Amalan Pengajaran Singapura

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pengajaran	AP20: Menggunakan Soalan untuk Memperdalam Pembelajaran	AM1: Rangkaian IRF (Mulakan-Respons-Maklum Balas) Soalan-soalan yang diutarakan kepada pelajar adalah untuk guru mendapatkan dan merancang pemikiran pelajar dan melihat sejauh mana dalamnya pengetahuan sedia ada pelajar. Dengan pelajar memberikan jawapan-jawapan dalam SLS, sekurang-kurangnya guru dapat menilai jawapan pelajar. Seandainya jawapan pelajar itu kurang mendalam, maka guru dan teman-teman yang lain digalakkan memberikan komen kepada catatan pelajar itu. Dengan cara ini, ia menggalakkan pelajar untuk menghuraikan jawapan dan idea mereka.
Penilaian dan Maklum Balas	AP22: Menyemak Pemahaman dan Memberi Maklum Balas	AM3: Saya Buat, Saya Tahu, Saya Semak Rakan yang menyemak jawapan kefahaman pasangan mereka akan memberikan maklum balas. Rakan pasangan akan menambah nilai hasil kerjanya.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan Kuantitatif


Praujian dan Maklum Balas Pelajar

Hasil dapatan daripada praujian dan maklum balas pelajar menunjukkan gambaran keseluruhan yang mana penggunaan bahasa Melayu dalam lisan menghambat mereka dalam memberikan yang terbaik. Punca ini disebabkan oleh beberapa faktor. Tanggapan guru terhadap pelajar telah mengesahkan sebab-sebab pelajar ini tidak dapat bertutur dengan baik. Antara faktor yang memberikan keputusan peratusan yang lemah seperti yang diketengahkan oleh pelajar adalah seperti yang berikut:


1. Saya mempunyai kesukaran untuk menyampaikan idea dalam bahasa Melayu
2. Saya mempunyai kesukaran untuk mengembangkan idea dalam bahasa Melayu
3. Saya kurang yakin menyampaikan isi dalam bahasa Melayu.
4. Saya sering menonton rancangan dalam bahasa Melayu.
5. Saya sering membaca bahan-bahan Melayu (contoh: novel, majalah, Berita Harian).

Rajah 1: Borang Maklum Balas Lisan Bagi Pelajar Menengah 1-3 NT Tentang Lisan

		SEKOLAH MENENGAH WOODGROVE					
		BORANG MAKLUM BALAS LISAN 2019					
Amat Tidak Setuju	Setuju	Amat Setuju					
		1	2	3	4	5	6
Harap tandakan (✓) berdasarkan pada pernyataan-pernyataan yang berikut.		1	2	3	4	5	6
1	Saya memahami soalan-soalan yang ditanyakan oleh guru dalam pengajaran lisan.						
2	Saya mempunyai kesukaran untuk menyampaikan idea dalam bahasa Melayu.						
3	Saya mempunyai kesukaran untuk mengembangkan idea dengan baik dalam bahasa Melayu.						
4	Saya kurang yakin menyampaikan isi dalam bahasa Melayu.						
5	Saya sering menonton rancangan dalam bahasa Melayu.						
6	Saya sering membaca bahan-bahan Melayu (cth: novel, majalah, Berita Harian).						
7	Saya berasa takut apabila ditanyakan soalan lisan.						



Rajah 2: Dapatan Berdasarkan Maklum Balas Pelajar Menengah 1 - 3 NT Tentang Lisan



Merujuk maklum balas pelajar pada Rajah 2, satu gambaran yang jelas menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar Menengah 1-3 NT berkongsi sentimen yang sama. Dua faktor yang begitu ketara ialah mereka sukar mengembangkan idea dan kurang yakin menyampaikan isi dalam bahasa Melayu.

Tanggapan guru terhadap prestasi pelajar dalam lisan adalah seperti yang berikut:

1. Pelajar kurang minat dalam membaca, mendengar dan menonton bahan-bahan yang bersumberkan bahasa Melayu. Natijahnya ialah kebanyakan pelajar kurang mahir untuk mengayat secara gramatis dan berstruktur. Disebabkan ini, ianya mempengaruhi cara pelajar bertutur sama ada dalam situasi formal maupun informal. Masalah ketandusan kosa kata menghambat mereka untuk menyampaikan dan mengembangkan idea mereka meskipun mereka mempunyai idea-idea untuk soalan-soalan lisan yang diajukan.
2. Pelajar kerap menggunakan bahasa Inggeris ketika berbicara dengan

- keluarga dan kawan-kawan. Kesannya ialah keterbiasaan pelajar bertutur dalam bahasa Inggeris telah mempengaruhi penggunaan bahasa Melayu mereka apabila mereka bertutur dan menulis dalam bahasa Melayu.
3. Kosa kata bahasa Melayu yang terhad. Penguasaan bahasa Melayu pelajar yang kurang menyerlah serta kosa kata yang terhad mengakibatkan pelajar mempunyai kesukaran untuk menyampaikan isi secara koheren dan berstruktur. Perkara ini telah menjas keyakinan mereka sewaktu bertutur. Perasaan rendah diri dan gementar juga telah menghambat keupayaan pelajar untuk bertutur dengan berkesan.


Dapatan Kualitatif

Praujian Berdasarkan Maklum Balas Pemeriksa

Para pengkaji telah meneliti maklum balas pemeriksa yang telah menguji para pelajar dalam peperiksaan lisan pada Peperiksaan Pertengahan Tahun 2019. Berdasarkan maklum balas pemeriksa, pelajar secara amnya sukar mengembangkan idea dan penjelasan kepada isi yang ingin disampaikan. Selain itu, kosa kata mereka juga amat terhad dan ada pelajar yang kurang memahami soalan yang diajukan.

Dapatan Pascaujian Berdasarkan Jawapan Pelajar Sebelum dan Selepas Intervensi

Berdasarkan langkah pertama pembelajaran lisan yang dijalankan, jawapan yang diberikan oleh pelajar untuk ketiga-tiga soalan itu tidak terarah dan mendalam. Dengan penggunaan Pakej Sembang Spontan dan Portal SLS, jawapan-jawapan pelajar lebih berstruktur serta idea yang dicatatkan adalah lebih menyeluruh. Merujuk kepada Jadual 2, dari segi kepanjangan, sebelum intervensi, jawapan pelajar agak singkat dan secara permukaan sahaja. Namun selepas intervensi, jawapan pelajar ternyata lebih panjang, dapat dikembangkan ideanya dengan sokongan contoh-contoh yang berdasarkan pengalaman pelajar.



**Jadual 2: Dapatan Berdasarkan Maklum Balas Pelajar Menengah
1 - 3 NT Tentang Lisan**

Responden	Sebelum Intervensi	Selepas Intervensi
(Men 3T)	<p>Soalan 1: Cara-cara untuk menggalakkan keharmonian kaum antara berlainan bangsa.</p> <p>Jawapan: Salah satu caranya adalah untuk mengadakan permainan yang berlainan bangsa seperti Melayu adalah congkak dan macam-macam lagi. Untuk permainan Cina, kita boleh</p>	<p>Jawapan: Kita boleh mengadakan aktiviti ataupun majlis pertukaran budaya. Contohnya lawatan ke tempat-tempat keagamaan, seperti masjid Yusuf Ishak, Gereja Covent dan kuil</p>
	<p>bermainan catur Cina. Untuk bangsa India kita boleh mempelajari bagaimana untuk membuat Kolam.</p>	<p>masyarakat Buddha. Kita juga boleh melakukan aktiviti seperti permainan dari pelbagai bangsa seperti congkak, chapteh dan catur Cina. Selain itu kita juga harus memahami tentang budaya masyarakat lain. Contohnya, kita boleh menghadiri perayaan bangsa lain supaya kita ketahui bagaimana bangsa lain menyambut perayaan mereka.</p>
	<p>Soalan 2: Hari Keharmonian Kaum penting untuk kita sambut pada setiap tahun. Setujukah kamu? Jelaskan.</p> <p>Jawapan: Hari keharmonian kaum penting kerana kita dapat mempelajari bangsa lain dengan lebih mendalam seperti bagaimana mereka menyambut Hari Cina atau perayaan mereka. Setiap kaum ada cara-cara mereka</p>	<p>Jawapan: Setuju. Kerana dengan cara ini banyak lagi kita boleh ketahui tentang bangsa lain. Kita tidak membuat secara hari hari dan tidak mungkin dalam satu hari kita dapat mengetahui semua tentang bangsa lain. Setiap</p>

	<p>untuk merai hari perayaan mereka. Seperti Melayu, kaum lelaki akan pergi ke masjid untuk Solat Hari Raya. Selepas itu kita akan bermaaf-maafan. Begitu juga dengan kaum-kaum lain dengan cara mereka sendiri.</p>	<p>tahun pasti ada benda baharu yang dapat kita mempelajari seperti pakaian mereka, apakah yang mereka lakukan pada hari pertama perayaan, makanan apa yang dihidangkan dan macam-macam lagi. Walau bagaimanapun, keharmonian kaum harus kita sambut setiap hari supaya kita boleh hidup aman dan damai.</p>
--	--	--

Selain penggunaan portal SLS, terdapat beberapa saranan lain yang boleh digunakan untuk membantu pelajar dalam mengatasi masalah-masalah berkaitan dengan Interaksi Lisan seperti yang berikut:

Jadual 3: Cadangan Bagi Menangani Masalah Pelajar Dalam Interaksi Lisan

No. Soalan	Komen Guru	Bahan
2	... sukar menyampaikan idea ...	<ul style="list-style-type: none"> • Tunjuk & Unjur • Log gambar • Kiub Tanya (MLCS) • Segmen Sembang Spontan (Main Peran) • Portal SLS
3	... sukar mengembangkan idea ...	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan Rutin Berfikir • Portal SLS
4	... kurang yakin menyampaikan isi...	<ul style="list-style-type: none"> • Sama strategi di Soalan 2 • Portal SLS
5	...(tidak) sering menonton rancangan bahasa Melayu...	<ul style="list-style-type: none"> • Menonton video pendek • Menggunakan templat Program Membaca • Berkongsi idea dan membuat renungan • Portal SLS



6	...(tidak) sering membaca bahan-bahan bahasa Melayu...	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan buku kompilasi; ‘Rahsia’ yang dihasilkan oleh pihak MLCS. • Bermain peran • Portal SLS
----------	--	---

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian secara eksperimental yang dilaksanakan berjaya menepati keperluan pelajar. Praujian yang diberikan kepada pelajar membantu guru untuk mengenal pasti keperluan serta kesukaran pelajar dalam pelajaran lisan. Berbekalkan dapatan ini, guru dapat merancang pelajaran yang membolehkan masalah-masalah pelajar diatasi. Sesi latihan melalui portal SLS membawa kepada penambahbaikkan pembelajaran kerana pembelajaran kini dapat dijalankan secara interaktif dan berkesan. Melalui aktiviti-aktiviti yang disediakan, daripada menonton video pendek sehingga menjawab soalan rutin berfikir, jelas memberi perancah yang berkesan kepada para pelajar untuk memastikan jawapan yang mereka berikan lebih jelas dan mendalam. Kajian ini juga telah membolehkan guru membantu pelajar memberikan hasil yang lebih baik jika dibandingkan dengan kelakonan mereka dalam penyampaian isi sebelum ini.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Noraini Washil

RUJUKAN

Robert J. Marzano dan Debra J. Pickering, (2005). *Building academic vocabulary: Teachers manual*. USA: ASCD.

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan Pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.

McKeown, M. G., dan Beck, I.L., (2004). Direct and rich vocabulary instruction dalam Practice hlm 13-27. New York: Guliford Press.

Harlow, H. F. (1983). Fundamentals for preparing psychology journal articles. *Journal of Comparative and Physiological Psychology*, 55, 893-896.

Smith, Mark K., dari Infed (2001). David a. Kolb on Experiential Learning.
Dipetik pada 25 September 2012 dari <http://www.infed.org/biblio/b-explrn.htm>

